



## **KENYATAAN MEDIA YAB KETUA MENTERI SABAH**

### **PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 5 DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO.5) 2020 SECARA BERPERINGKAT DI NEGERI SABAH**

---

Kerajaan Negeri memutuskan untuk membenarkan sektor pembinaan dan penyelanggaraan (serta rangkaianya) dan sektor perhutanan (serta rangkaianya) beroperasi mulai daripada 08 Mei 2020.

#### **A. SEKTOR PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN**

- 1). Aktiviti pembinaan yang dibenarkan beroperasi adalah melibatkan aktiviti seperti kerja-kerja pembinaan bangunan, infrastruktur, kemudahan awam, lanskap dan lain-lain sektor pembinaan.
- 2). Aktiviti penyelenggaraan yang dibenarkan beroperasi adalah meliputi aktiviti seperti pembakaian dan pemuliharaan infrastruktur, bangunan, kemudahan awam, lanskap, pemotongan rumput, loji, janakuasa, pembersihan (parit, longkang, bangunan dan sebagainya), pembentungan, saluran paip air, pengairan dan saliran dan sebagainya.
- 3). Aktiviti berkaitan dengan rangkaian dan perkhidmatan sokongan kepada sektor pembinaan dan penyelenggaraan yang meliputi aktiviti kuari batu dan pasir, kilang simen dan klinker, pemotongan bukit dan penimbusan tanah, kedai hardware, pengangkutan bahan binaan dan sebagainya dibenarkan beroperasi.
- 4). Kerajaan Negeri juga memutuskan bahawa kebenaran beroperasi sektor pembinaan dan penyelanggaran secara bersyarat yang diluluskan sebelum ini di tarik balik dan terbatas dengan sendirinya.

## **B. SEKTOR PERHUTANAN**

- 1). Aktiviti perhutanan hulu (*upstream*) yang melibatkan peladangan hutan, restorasi hutan, silvikultur, pengeluaran dan pengangkutan hasil-hutan dan lain-lain aktiviti perhutanan hulu (*upstream*).
- 2). Aktiviti perhutanan hiliran (*downstream*) yang melibatkan kilang papan, kilang vineer, kilang papan lapis, kilang perabot, kilang moulding, *finger joint* dan kilang-kilang lain pemprosesan berasaskan kayu.
- 3). Rangkaian dan perkhidmatan sokongan terhadap aktiviti *upstream* dan *downstream* perhutanan seperti logistik pengangkutan darat dan laut, gudang, domestik *retail* serta import dan eksport.

Kerajaan Negeri ingin menekankan bahawa kebenaran beroperasi sektor pembinaan dan penyelanggaraan (serta rangkaianya) dan sektor perhutanan (serta rangkaianya) adalah tertakluk kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia dan hendaklah disahkan bebas daripada COVID-19 oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.

Sekian.

**YAB KETUA MENTERI SABAH**  
08 MEI 2020 | 11.00 PAGI